

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Puan Kasthuriraani a/p Patto
[Batu Kawan]
TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilangan dan lokasi rumah pam di Pulau Pinang dan adakah Kementerian berhasrat untuk menambah lagi bilangan rumah pam memandangkan banjir kerap berlaku di kawasan Seberang Prai dan jika tidak mengapa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 62 rumah pam telah dibina untuk tujuan tebatan banjir, pengairan dan pertanian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 29 rumah pam adalah bagi tebatan banjir iaitu:

- 1) Daerah Timur laut sebanyak 4 rumah pam;
- 2) Daerah Barat Daya sebanyak 3 rumah pam;
- 3) Seberang Perai Selatan sebanyak 9 rumah pam;
- 4) Seberang Perai Utara sebanyak 8 rumah pam; dan
- 5) Seberang Perai Tengah sebanyak 5 rumah pam.

Bagi Daerah Seberang Perai Tengah, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) mempunyai perancangan untuk membina rumah pam di dua lokasi iaitu berhampiran Autocity, Sungai Juru dan Kampung Tok Keramat, Borrowpit tertakluk kepada kelulusan peruntukan.

Bagi daerah lain, pihak JPS perlu menjalankan kajian terlebih dahulu dalam menentukan keperluan dan seterusnya mempertimbangkan pembinaan rumah pam tersebut tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan kelak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pembidaan terbuka dilaksanakan untuk projek petroleum di bawah Production Sharing Contract (PSC) atau Kontrak Perkongsian Pengeluaran. Jika tidak, nyatakan rasional pembidaan terbuka tidak dilaksanakan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

PETRONAS mengamalkan pembidaan secara terbuka bagi Kontrak Perkongsian Pengeluaran ("PSC") di Fasa Eksplorasi dimana blok-blok tertentu akan dipromosikan bagi menarik minat pembida yang berkeelayakan. Pemberian kontrak adalah berdasarkan bidaan yang paling kompetitif secara teknikal dan komersil.

Sekian. Terima kasih.